

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 FEBRUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Data KDNK bagi 2023 ukur daya tahan ekonomi negara



Data KDNK bagi 2023 ukur daya tahan ekonomi negara

Data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi keseluruhan 2023 yang akan dikeluarkan pada 16 Februari ini akan menjadi perangkaan penting untuk mengukur tahap penuh daya tahan dan pemulihan ekonomi Malaysia, demikian menurut TA Securities.

Ketua Penyelidik TA Securities Holdings Bhd, Kaladher Govindan, berkata data awal daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan peningkatan 3.4 peratus pada suku keempat, menjadikan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.8 peratus.

Beliau berkata, data awal itu menunjukkan ia di bawah jangkaan kerajaan dan unjuran awal pihaknya sebanyak 4.0 peratus.

Justeru, katanya, bagi unjuran pertumbuhan 2024, terdapat potensi untuk pihaknya membuat semakan semula sebaik sahaja data 2023 rasmi dikeluarkan.

"Apabila data yang lebih komprehensif dan dimuktamadkan tersedia, unjuran dalaman kami akan tertakluk kepada pelarasan bagi memastikan ketepatan dan penjajaran dengan prestasi sebenar ekonomi.

"Tumpuan terhadap kemas kini seterusnya dan pengumuman rasmi akan memainkan peranan penting dalam memperhalusi unjuran kami dan mengelakkan unjuran yang boleh dipercayai untuk tinjauan ekonomi Malaysia," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Jangkaan semasa TA Securities bagi ekonomi Malaysia untuk tahun ini ialah sekitar 5.0 peratus.

Kaladher berkata, walaupun prestasi ekonomi Malaysia pada suku akhir masih tidak lengkap, petunjuk ekonomi tertentu menandakan trajektori yang positif.

Beliau berkata, ini terutama boleh dilihat peningkatan dalam sektor utama dengan pembuatan dan perlombongan memperkenan kadar pertumbuhan masing-masing 0.4 peratus dan 4.9 peratus.

Katanya, ia menunjukkan lantunan semula yang cerah bagi aktiviti perindustrian.

Tambahan pula, katanya, pertumbuhan kelihatannya didorong oleh penggunaan swasta yang mantap, ditunjukkan oleh prestasi Indeks Perdagangan Pengedaran (DTI).

"DTI memamerkan peningkatan 4.6 peratus pada Oktober hingga November, walaupun lebih rendah sedikit berbanding peningkatan 5.0 peratus yang dicatatkan dalam suku sebelumnya.

"Daya tahan dalam penggunaan swasta dijangka berterusan, terutama dengan keadaan pasaran pekerjaan yang menggalakkan dijangka meningkatkan perbelanjaan isi rumah, sekali gus menyumbang kepada aliran pertumbuhan yang berterusan sepanjang Disember 2023," katanya.